

# UPNM nekad terus buru pingat emas di SUKIPT 2022



**UMAR HAFIZ** berjaya menjadi atlet pertama yang menyumbangkan pingat emas buat kontinjen UPNM dalam usaha memburu penamat terbaik pada edisi kali ini.

Oleh MUHAMMAD RIDUAN  
MOHD. HANAFIAH

**UNIVERSITI** Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) melaungkan amaran awal apabila berjaya menjelmakan tiga kilauan pingat emas pada aksi pembukaan kelmarin pada temasya Sukan Institut Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2022.

UPNM yang meletakkan sasaran untuk menembusi kelompok 10 terbaik kedudukan SUKIPT 2022 mendahului carta kedudukan pingat pada hari pertama kelmarin dengan tiga emas, satu gangsa dan tiga perak.

Pingat emas pertama UPNM dijelmakan Umar Hafiz Roslee Amir dalam acara silat seni kate-

gori tunggal putra di Dewan SITC, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Pegawai Belia dan Sukan UPNM, Ahmad Fitry Mohamed berharap tiga pingat emas tersebut mampu menjadi pembakar semangat kepada semua 185 atlet yang berjuang pada edisi kelima tersebut.

“Saya agak terkejut dengan kutipan pingat pada hari pembukaan kerana atlet UPNM berjaya meraih tiga emas. Ini satu permu lauan yang positif untuk memburu tempat 10 terbaik pada SUKIPT 2022 ini.

“Saya harap kejayaan tiga emas yang kita peroleh pada hari pertama semalam dapat menjadi

pembakar semangat kepada atlet untuk memburu 10 pingat emas yang kita sasarkan sebelum ini.

“Kita tahu, banyak pasukan melakukan persiapan terbaik kerana sebelum ini SUKIPT ditangguhan kerana Covid-19. Saigon pastinya semakin mencabar, tetapi saya meletakkan sepenuh kepercayaan kepada 150 atlet ini di UPSI,” katanya.

Pada edisi terakhir yang berlangsung di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi pada 2018 menyaksikan Universiti Putra Malaysia (UPM) dinobatkan juara keseluruhan, manakala UPNM berada di tangga ke-16 apabila berjaya membawa pulang tiga pingat emas, dua perak dan 12 gangsa.